

Amalan Nilai-nilai Murni dalam Keluarga

Isu-isu yang berkaitan dengan kekeluargaan kerap menjadi bahan perbincangan dalam forum dan media massa. Hal ini kerana institusi keluarga memainkan peranan penting untuk melahirkan generasi yang berkualiti yang akan mewarisi pemerintahan negara. Pada pendapat saya, isu negatif seperti penceraian dan penderaan kanak-kanak dalam institusi kekeluargaan patut ditangani dengan segera. Memandangkan pentingnya institusi kekeluargaan, pihak kerajaan juga telah mewujudkan sebuah kementerian bagi menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan keluarga dan masyarakat. Bagi institusi keluarga itu sendiri, nilai-nilai murni perlu diamalkan agar keluarga yang _____ (1) dapat dibentuk dan anak-anak akan menjadi warga negara yang cemerlang dan berkualiti.

Antara nilai murni yang perlu diamalkan dalam sesebuah keluarga ialah nilai _____ (2) terhadap keluarga. Oleh itu, ibu bapa hendaklah memberikan kasih sayang secukupnya kepada anak-anak. Pada masa yang sama, anak-anak juga perlu menyayangi ibu bapa dengan sepenuh hati. Setiap ahli keluarga juga hendaklah menyayangi keluarga terdekat seperti datuk, nenek dan saudara-mara. Aktiviti ziarah-menziarahi wajar dilakukan pada setiap masa yang terluang.

Selain itu, ahli keluarga juga perlu mengamalkan nilai _____ (3) terhadap keluarga. Ibu bapa mestilah menjalankan tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan asas kepada setiap ahli keluarga. Antara kemudahan asas itu ialah makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa. Ibu bapa juga hendaklah memberikan pendidikan kepada anak-anak dengan menghantar anak-anak ke sekolah dan pusat pengajian tinggi. Bagi anak-anak pula, mereka hendaklah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan membantu ibu bapa menguruskan rumah dan belajar bersungguh-sungguh.

Nilai hormat dan taat kepada anggota keluarga juga perlu diamalkan. Anak-anak hendaklah _____ (4) dalam urusan keluarga di rumah. Anak-anak juga mesti mematuhi peraturan yang ada dalam keluarga seperti peraturan tentang masa pulang ke rumah. Jika ada tetamu yang datang ke rumah, anak-anak mesti menghormati tetamu tersebut. Jika ibu bapa memarahi anak-anak tentang sesuatu perkara pula, anak-anak mesti berfikiran positif dan memohon maaf di atas kesalahan yang telah dilakukan.

Sesebuah keluarga juga mesti mengamalkan nilai sayang-menyayangi dan menghargai alam sekitar. Ibu bapa dan anak-anak mesti menjaga _____ (5) agar tiada haiwan atau serangga seperti nyamuk, lipas dan tikus membiak yang boleh menjejaskan kesihatan ahli keluarga. Selain itu, ahli keluarga juga mestilah mengelakkan diri daripada melakukan pembakaran terbuka. Sampah hendaklah dibuang di tempat yang dikhaskan. Jika terdapat pihak yang mencemarkan alam sekitar, ibu bapa dan anak-anak wajar membuat aduan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) supaya keseimbangan ekosistem dapat dikekalkan.

Di samping itu, ahli keluarga juga mesti mengamalkan nilai patriotisme atau cinta akan negara. Nilai patriotisme ini penting supaya anak-anak akan dapat menghargai _____ (6) negara kita yang telah dicapai pada 31 Ogos 1957 setelah negara kita dijajah selama lebih 400 tahun. Oleh itu, setiap rumah wajar

mengibarkan bendera Jalur Gemilang semasa sambutan Bulan Kemerdekaan. Sebagai tanda semangat patriotisme ibu bapa hendaklah mengutamakan pembelian barang-barang buatan Malaysia, contohnya dalam pembelian kenderaan, pakaian mahupun perabot rumah. Sesungguhnya, pembelian barang-barang buatan Malaysia akan dapat membantu perkembangan _____ (7) negara.

Sebagai kesimpulan, setiap ahli keluarga mesti mengamalkan nilai-nilai murni agar keluarga tersebut dapat hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni. Sebagai ketua keluarga, ibu bapa perlu menjadi _____ (8) kepada anak-anak dan menyediakan keperluan asas keluarga. Aspek kebersihan alam sekitar juga perlu diambil berat oleh ibu bapa dan juga anak-anak. Pada masa yang sama nilai patriotisme perlu dipupuk di kalangan anak-anak. Dengan mengamalkan nilai-nilai murni secara berterusan pasti akan terbentuk keluarga bahagia yang dapat menjadi pemangkin kepada _____ (9) negara pada masa akan datang.

<p>menghormati suruhan ibu bapa 如 尊重 父母的吩咐 kemajuan 如 进步 kebersihan tempat tinggal 如 居住环境 卫生 ekonomi 如 经济</p>	<p>contoh 如 榜样 harmoni 如 和谐 kemerdekaan 如 独立 tanggungjawab 如 责任 kasih sayang 如 关爱</p>
--	---